



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 25 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	110KG PUKAT HANTU DIKUTIP DI PULAU PERHENTIAN, DALAM NEGERI, UM -32 DUA BOT NELAYAN VIETNAM DITAHAN, NILAI RAMPASAN CECAH RM1 JUTA, NEGERI TERENGGANU, SH -27 20 PENYELAM KUTIP 110KG PUKAT HANTU DI PULAU PERHENTIAN, NEGERI TERENGGANU, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6.	80 TAN PRODUK SEJUK BEKU DILUPUS SEBAGAI BEKALAN MAKANAN HAIWAN, NEGERI, PAHANG, SH -26 MAQIS SERAH PRODUK SEJUK BEKU KEPADA PENJARA MARANG, NASIONAL, BH -20 11 TAN PRODUK SEJUK BEKU UNTUK TERNAKAN IKAN, LOKAL, HM -23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	MARDI CIPTA FORMULA DEDAK AYAM, DALAM NEGERI, UM -11	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8.	RUMAH HABA BANTU PENGUSAHA KERING IKAN, KELANTAN, HAKAH -H12	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	MADA LEPAS TAKUNGAN EMPANGAN PEDU, LOKAL, HM -3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	DANA TERSEDIA BUAT USAHAWAN AGRO, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	AYAM TERUS DIJUAL PADA HARGA TINGGI, NASIONAL, BH -19 SUBSIDI TAK CUKUP, WABAK PUNCA MASALAH BEKALAN TELUR, NASIONAL, BH -19 KEMBUNG BUKAN LAGI IKAN RAKYAT, NEGARA, KOSMO -16 DUA SAHABAT BANGKIT SELEPAS RUGI LIMA ANGKA TANAM CILI, NEGARA, KOSMO -16 'TERPAKSA JUAL MAHAL ELAK KERUGIAN', LOKAL, HM -23 PUTUS BEKALAN TELUR AYAM SEMINGGU LALU, LOKAL, HM -23 AMBIL MASA KEMBALI STABIL, LOKAL, HM -23	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

110 kg pukak hantu dikutip di Pulau Perhentian

BESUT: Sebanyak 110 kilogram (kg) pukak hantu dikutip dalam Program Ghost Net iaitu aktiviti membersihkan kawasan terumbu karang yang dijalankan sekumpulan penyelam di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian sejak Sabtu lalu.

Pembantu Perikanan Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Nazrul Azlinshah Ahmad Nazmi berkata, semua pukak hantu itu dikutip sukarelawan terdiri daripada 20 penyelam dari agensi kerajaan dan swasta.

"Program ini diadakan untuk memelihara kawasan terumbu karang yang mengalami kerosakan disebabkan oleh pukak hantu yang menjadi ancaman haiwan marin di dasar laut.

"Gotong royong ini adalah tanda keprihatinan penyelam untuk menyokong usaha Cawangan Taman Laut Penguru-



SEKUMPULAN penyelam menunjukkan pukak hantu yang berjaya dikutip di dasar laut Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.

san dan Perlindungan Sumber Daerah Besut melindungi kawasan terumbu karang terutamanya di lokasi perlindungan marin supaya terumbu karang di Pulau Perhentian tidak mengalami kepupusan," katanya.

Pukak hantu merujuk kepada

peralatan menangkap ikan seperti pukak, jaring atau jala yang ditinggalkan atau tertinggal secara tidak sengaja yang menjadi ancaman haiwan marin kerana ia memerangkap ikan atau habitat karang dan akhirnya memusnahkan sumber perikanan.

Dua bot nelayan Vietnam ditahan, nilai rampasan cecah RM1 juta

KUALA TERENGGANU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menahan dua bot nelayan asing Vietnam dalam rondaan Op Kuda Laut dan Op Naga Barat di sekitar perairan Terengganu pada Sabtu.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Terengganu, Komander Maritim Ariffin Ghazali berkata, bot tersebut ditahan pada jam 4.30 petang di kedudukan kira-kira 44.5 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Menurutnya, kedua-dua bot ditahan ketika sedang bertambat antara satu sama lain.

"Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua bot tersebut dikendalikan 12 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia 21 hingga 63 tahun tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Tekong dua bot tersebut juga gagal

mengemukakan sebarang dokumen kebenaran yang sah dan diyakini telah melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan Malaysia.

"Antara yang dirampas ialah bot, pelbagai hasil laut termasuk sotong dan sotong kering, serta diesel dengan nilai rampasan keseluruhan bagi dua bot kira-kira RM1 juta," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Ariffin berkata, bot bersama 12 kru, tekong dan hasil tangkapan telah ditahan serta diiring ke Jeti Pusat Tahanan Vesel, Maritim Negeri Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.



Sotong kering yang ditemui dalam bot nelayan asing Vietnam berkenaan.

20 penyelam kutip 110kg pukat hantu di Pulau Perhentian

BESUT - Sebanyak 110 kilogram (kg) pukat hantu dikutip oleh sekumpulan penyelam di sekitar kawasan terumbu karang di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian di sini sepanjang tiga hari bermula Sabtu lalu.

Pembantu Perikanan Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Nazrul Azlinshah Ahmad Nazmi berkata, aktiviti mengutip pukat atau jaring nelayan yang ditemui di dasar laut itu disertai 20 penyelam.

"Program Ghost Net diadakan untuk memelihara kawasan terumbu karang yang mengalami kerosakan akibat pukat hantu. Usaha ini sebagai tanda keprihatinan penyelam untuk menyokong lang-

kah Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut melindungi kawasan terumbu karang terutamanya di lokasi perlindungan marin supaya ia tidak pupus," katanya ketika dihubungi di sini pada Isnin.

Menurut Nazrul Azlinshah, kesemua pukat hantu yang dikutip akan dibawa ke tanah besar untuk dilupuskan.

"Antara pukat hantu yang dikutip ialah jaring dan tali lama untuk menangkap ikan. Peralatan menangkap ikan seperti pukat, jaring atau jala itu menjadi ancaman haiwan marin kerana ia merangkap ikan atau habitat karang dan akhirnya memusnahkan habitat dan hidupan laut," katanya.



Antara pukat hantu yang berjaya dikumpul di sekitar kawasan terumbu karang di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian, Besut baru-baru ini.

25/10/2022

SINAR
HARIANNEGERI
PAHANG

26

80 tan produk sejuk beku dilupus sebagai bekalan makanan haiwan



Siti Nur (tiga dari kiri) menyerahkan produk sejuk beku hasil rampasan kes yang dilucuthakkan kepada wakil penjara di Penjara Marang, Terengganu pada Ahad.

KUANTAN - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) melupuskan 80 tan produk sejuk beku bernilai RM434,000 hasil rampasan kes yang dilucutkan hak bagi bulan Mac sehingga Oktober tahun ini.

Maqis menerusi satu kenyataan memaklumkan, produk sejuk beku itu dilupuskan dengan cara serahan untuk sumbangan bekalan makanan haiwan kepada beberapa jabatan dan agensi termasuk penjara.

Kenyataan itu memaklumkan, semua serahan itu adalah hasil sitaan terhadap pengimportan ke luaran pertanian yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara dan telah melalui

proses lucut hak di bawah kesalah Seksyen 11 (1) serta Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Penyerahan disempurnakan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Maqis, Siti Nur Ahmad kepada Penjara Marang Terengganu, Penjara Pengkalan Chepa dan Machang, Kelantan dan Penjara Penor Pahang.

Majlis penyerahan yang diadakan di Penjara Marang, Terengganu pada Ahad itu turut dihadiri Pengarah Maqis Negeri Pahang dan Terengganu, Hisham Abu Bakar.

"Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk

membantu dan memberi sumbangan kepada mana-mana agensi atau jabatan yang memerlukan seperti pihak zoo dan penjara.

"Produk sejuk beku sitaan yang disumbangkan itu akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumber makanan haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar.

"Inisiatif sumbangan bekalan makanan haiwan di bawah program MAFI Prihatin ini diharap dapat membantu pihak yang terlibat dalam menampung sumber bekalan makanan haiwan di bawah selain mereka," jelas kenyataan itu.

MAQIS serah produk sejuk beku kepada Penjara Marang

Hasil rampasan dilupus, jadi bekalan makanan ternakan ikan air tawar

Oleh Ahmad Rabiul Zulkafli
bhnews@bh.com.my

Marang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyerahkan produk sejuk beku seperti ayam dan daging mentah sebanyak 11 tan kepada Penjara Marang.

Penyerahan produk sejuk beku itu membolehkan hasil kes rampasan sejak Mac lalu adalah ialah untuk bekalan makanan ternakan di Penjara Marang.

Pengarah Penjara Marang Penolong Komisener Penjara Hamid Taha berkata, produk sejuk beku itu digunakan sebagai makanan

ternakan bagi penternakan ikan air tawar yang dijalankan lebih empat tahun di Penjara Marang.

"Bukan sahaja ikan keli, kami juga menternak ikan petin dan penternakan itu antara latihan kemahiran untuk penghuni Penjara Marang.

"Kami mempunyai lebih 90,000 ikan air tawar yang ditiernak pada satu masa dan ia untuk kegunaan sendiri dan sebahagiannya untuk jualan kepada orang awam.

"Produk sejuk beku yang dibekalkan MAQIS sedikit-sebanyak menjimatkan kos makanan ternakan ikan itu selain menjadi sumber makanan yang lebih berkhasiat," katanya ketika ditemui di majlis penyerahannya di Penjara Marang, kelmarin.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan MAQIS, Siti Nur Ahmad dan Pengarah MAQIS Terengganu dan Pahang, Hisham Abu Bakar.

Siti Nur berkata, penyerahan produk sejuk beku itu ialah kaedah melupuskan sitan produk sejuk



Hamid dan Siti Nur memeriksa produk sejuk beku yang diserahkan MAQIS untuk makanan ternakan ikan air tawar kepada Penjara Marang, semalam. (Foto Ahmad Rabiul Zulkafli/BH)

beku dengan cara serahan bekalan makanan haiwan kepada beberapa jabatan dan agensi.

"Selain Penjara Marang, MAQIS juga menyerahkan produk sejuk beku yang dirampas itu kepada Penjara Pengkalen Chepa,

Penjara Machang di Kelantan dan Penjara Penor, Pahang bagi tujuan sama.

"Secara keseluruhannya sebanyak 80 tan produk daging sejuk beku yang diserahkan dengan nilai rampasan berjumlah RM434,000

dan ia produk yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara.

"Semua serahan ini hasil daripada sitaan terhadap pengimportan keburuan pertanian yang melalui proses lucut hak di bawah Kesalahan Seksyen 11 (1) dan 15 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Laksana tanggungjawab sosial
Menurutnya, MAQIS komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada mana-mana agensi serta jabatan yang memerlukan seperti Zoo dan penjara.

Menurutnya, MAQIS sentiasa tegas dalam pelaksanaan undang-undang dalam memastikan isu yang membolehkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak serta penyakit merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian, penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di semua pintu masuk.

25/10/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

11

MARDI cipta formula dedak ayam

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menawarkan formula baharu untuk memainkan industri bagi menyelesaikan masalah berkaitan tumbesaran dan kesihatan ayam sehingga menyebabkan bekalan bahan makanan itu terjejas.

Timbalan Ketua Pengarah MARDI (Penyelidikan), Dr. Mohamad Kamal Abdul Kadir berkata, institut tersebut giat menjalankan penyelidikan sejak 1970an dengan menggunakan pelbagai sumber tana-



**MOHAMAD KAMAL
ABDUL KADIR**

man dan bahan sampingan pertanian bagi mengurangkan kebergantungan ke atas bahan

import seperti jagung serta mil kacang soya.

Menurut beliau, syarikat-syarikat pembuatan dedak ayam atau makanan ternakan sudah mempunyai formula tersendiri untuk menyebarkan mereka sukar untuk beradaptasi atau 'tidak berminat' dengan teknologi ditawarkan MARDI.

"Banyak penyelidikan dan penilaian MARDI sudah lakukan, kita sebenarnya bukan tidak mahu komersialkan tetapi kami memerlukan syarikat datang ambil teknologi kita atau bekerjasama untuk formulasi bahan makanan ayam yang sesuai sebab MARDI tidak akan

menghasilkan dan menjual. "Jadi syarikat-syarikat itu akan komersialkan sebenarnya. Cumanya, syarikat yang ada di Malaysia ini, mereka sudah selesai dengan peralatan atau bahan sedia ada seperti penggunaan jagung serta soya ni.

"Mereka sudah ada formulasi tersendiri, jadi sukar untuk mereka ambil. Cumanya syarikat MARDI tawar kepada syarikat-syarikat baharu yang ingin memproses makanan ayam menggunakan teknologi kami," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Mohamad Kamal menjelaskan kan antara teknologi makanan

ayam MARDI dan juga makanan ayam pedaging adalah PKfeed Plus yang sebelum ini dikancahkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang semasa Majlis Perasmian Hari Inovasi MARDI 2021.

PKfeed menggunakan ham-pas isirung sawit (PKE) dan ditambah enzim, sekali gus mampu mengurangkan penggunaan soya sebagai sumber protein dan formulasi itu juga mengandungi probiotik yang dapat meningkatkan kesihatan ayam tanpa perlu menggunakan antibiotik atau bahan penggalak pertumbuhan lain.

Rumah haba bantu pengusaha kering ikan

TUMPAT: Kerajaan negeri membina rumah haba untuk membantu nelayan yang mengusahakan industri ikan kering daripada terjejas

ekoran musim tengkujuh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembinaan rumah itu memabitkan kos sebanyak RM500,000.

Katanya, dengan adanya rumah haba tersebut ia dapat merancakkan lagi industri asas tani

bagi menampung keperluan rakyat.

"Projek berkenaan diurus selia Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PK-PNK) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Beliau ketika demikian ketika melawat rumah haba pengeringan ikan bekok di Pusat Pempro-

sesan Hasil Perikanan (PPHP) LKIM Geting baru-baru ini.

Hadir sama Adun Pengkalan Kubor, Wan Roslan Wan Hamat, Pengerah LKIM Kelantan, Khuzaimah Husain dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK), Nik Fazul Fazlee Nik Othman. (UPKN)



Tuan Saripudin Tuan Ismail dan Wan Roslan Wan Hamat meninjau pembinaan rumah haba.

25/10/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

3

Mada lepas takungan Empangan Pedu

Alor Setar: Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (Mada) melakukan operasi pelepasan air dari Empangan Pedu sehingga jam 4 petang kelmarin bagi bekalan air domestik, industri dan penanaman padi bagi musim kedua tahun ini.

Mada dalam kenyataan berkata, pelepasan air itu adalah prosedur biasa dan

tidak menyebabkan berlakunya banjir.

“Sehingga semalam (kelmarin) status kedudukan takungan Empangan Pedu berada pada paras 99.37 peratus manakala Empangan Muda sebanyak 104 peratus diikuti Empangan Abning adalah sebanyak 86.15 peratus.

“Manakala aras di Stesen

Kuala Nerang adalah 14.18 meter iaitu pada paras normal,” katanya.

Menurut kenyataan itu, kedudukan air empangan utama Mada berada pada paras yang mencukupi untuk aktiviti penanaman padi di musim kedua serta bekalan domestik dan industri.

Katanya, pihak Mada sen-

99.37%

Status takungan air
Empangan Pedu
setakat kelmarin

tiasa membuat pemantauan pelepasan dan aras air di sungai dari semasa ke semasa.

Dana tersedia buat usahawan agro

KOSMO: Boleh ceritakan lebih lanjut mengenai DPAKM?

Tengku Ahmad Badli Shah: Program DPAKM menawarkan kemudahan pembiayaan khusus untuk eriam segmen iaitu ternakan ayam, ternakan ruminan (lembu dan kambing), penanaman sayur-sayuran, usahawan mikro, usahawan mikro baharu dan usahawan muda.

Ini bagi membantu mengukuhkan lagi keselamatan makanan negara bagi memastikan rakyat memperoleh bekalan makanan mencukupi pada harga yang berpatutan dalam suasana ketidak-tentuan situasi ekonomi dan politik global.

DPAKM menawarkan tempoh pembiayaan sehingga 9.5 tahun pada kadar keuntungan serendah tiga peratus. Kadar ini sangat menarik berbanding kadar keuntungan pembiayaan biasa yang diberikan kepada industri pengeluaran makanan, iaitu sekitar 6.75 peratus.

Selain itu, pada enam bulan pertama, moratorium diberikan secara automatik pada kadar keuntungan 0 peratus, jadi pelanggan akan mula dikenakan kadar keuntungan bermula bulan ke-7 pembiayaan.

Tempoh moratorium memberi ruang pada usahawan untuk mengatur strategi sambil menimba ilmu dan pengalaman dalam selok-belok dunia perniagaan serta menstabilkan modal pusingan sebelum memulakan pembayaran semula pembiayaan.

Bagaimana sambutan yang diterima daripada golongan sasaran?

Sambutan menggalakkan dan kami telah turun ke lapangan untuk mempromosikan fasiliti ini, namun secara umumnya masyarakat masih kurang pengetahuan tentang di mana mereka boleh mendapatkan bantuan kewangan bagi tujuan membesarkan perniagaan.

Setakat 30 September 2022, selepas lebih tiga bulan dana ini ditancangkan, kami telah meluluskan sebanyak 1,326 permohonan, melibatkan pembiayaan berjumlah RM109.4 juta. Kami turut menerima 2,436 permohonan yang lengkap untuk dipertimbangkan, melibatkan jumlah pembiayaan RM269.3 juta.

Pada masa sama, kami telah menerima pertanyaan untuk memohon dana melibatkan jumlah pembiayaan RM570 juta, namun permohonan mereka belum dihantar. Kami menyasarkan keseluruhan dana berjumlah RM800 juta di bawah DPAKM ini

DALAM suasana ekonomi pascapandemik, ramal yang menyuarakan pentingnya supaya usahawan, terutamanya daripada sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk menerima pendanaan secukupnya.

Pembiayaan buat golongan ini dilihat kritikal untuk memulihkan kembali, seterusnya memperkasa bisnes mereka dalam menghadapi cabaran perniagaan yang diramalkan lebih hebat tahun depan.

Usahawan dalam sektor pertanian dan pengeluaran makanan dilihat agak bertuah apabila kerajaan sekitar Jun lalu bersetuju melaksanakan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) yang disalurkan menerusi institusi kewangan pembangunan.

SEMBANG KORPORAT

Agrobank melibatkan peruntukan RM800 juta. Wartawan Kosmo! baru-baru ini berkesempatan bertemu Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin yang bercerita lanjut tentang DPAKM yang bertujuan menjamin kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan dan dana-dana lain yang disediakan.

Beliau turut menceritakan strategi Agrobank dalam

mengawal risiko perubahan iklim yang memberikan impak besar terhadap sektor pertanian dan pengeluaran makanan.



TENGU AHMAD BADLI SHAH



TENGU AHMAD BADLI SHAH berpandangan perkhidmatan Agrobank perlu sejajar keperluan ekonomi dan peredaran masa dengan memberi solusi kepada masalah pertanian masa kini.

dapat dihabiskan menjelang hujung tahun ini.

Apa antara program lain yang ditawarkan Agrobank bagi menggalakkan usahawan mencapai potensi mereka dalam sektor pertanian?

Tahun ini, Agrobank telah melancarkan Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan, yang menekankan kepada pemodenan sektor pertanian dan industri makanan di sepanjang rantaian nilai agromakanan melalui peningkatan penggu-

naan automasi serta teknologi berteraskan Revolusi Industri Keempat.

Selain itu, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi Bajet 2022, peruntukkan RM150 juta disediakan untuk pembiayaan keusahawanan belia melalui Agrobank dan Bank Negara Malaysia bagi meningkatkan sosioekonomi serta sumber pendapatan usahawan.

Di bawah Dana Jaminan Makanan, usahawan tani serta penggiat industri dalam rantaian

nilai agro makanan digalakkan merebut peluang dana berjumlah RM210 juta, iaitu RM60 juta bagi Program Modernisasi Rantaian Nilai dan RM150 juta lagi untuk Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan.

Kerajaan memahami akses pembiayaan mungkin menjadi faktor penghalang kepada usaha adaptasi teknologi dalam sektor perikanan dan golongan nelayan memerlukan 'agen penggalak' supaya mereka mula menggunakan kaedah moden bagi meningkatkan hasil tangkapan.

Apa kayu pengukur kejayaan bagi program-program yang dilaksanakan Agrobank?

Kami ada beberapa strategi impak untuk menyalurkan dana. Perjalanan pelanggan kami adalah daripada nomo (perniagaan kecil), kami akan pantau dan bimbing dari segi pengurusan kewangan serta pemasaran untuk bantu mereka naik taraf kepada tahap mikro, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan seterusnya korporat.

Pada tahap PKS kami ada dua titik sentuhan, iaitu penilaian pertengahan tahun dan hujung tahun untuk melibat prestasi mereka dan sekiranya perlu, menawarkan penambahan modal untuk memajukan perniagaan.

Kami bermula dari prebankable dan kami latih sehingga mereka layak mendapat pinjaman daripada bank konvensional.

Agrobank juga memiliki Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sendiri dalam meningkatkan pengeluaran pembiayaan untuk modenisasi dan automasi. Dengan mempromosikan teknologi, pengeluaran makanan akan meningkat secara sendiri.

Dengan fenomena perubahan iklim memberi impak signifikan kepada pertanian dan pengeluaran makanan, apa strategi Agrobank dalam menangani risiko berkaitan hal ini?

Risiko pengeluaran makanan sememangnya agak tinggi sebab ia tertakluk kepada malapetaka yang kadangkala tidak boleh dijangka seperti cuaca dan ancaman makhluk perosak.

Hujung tahun ini insya-Allah kami akan melancarkan produk takaful agromakanan, yang mana kami akan menjadi penyedia takaful pertama di Malaysia khusus untuk pengeluaran makanan, bermula dengan pengeluaran padi.

Dengan sedikit bayaran, kami akan melindungi pesawah daripada berdepan kerugian akibat banjir dan sebagainya dengan perlindungan sehingga RM3,000 bagi setiap hektar tanaman, sebelum penawaran ini diperluaskan kepada kumpulan penternak, termasuk ternakan ikan.

Kami turut menggalakkan amalan patuh ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) yang mana sekiranya produk dikeluarkan memiliki ciri-ciri ESG misalnya penanaman secara organik atau kurang penggunaan bahan kimia, kami ada skim istimewa yang menawarkan kadar keuntungan lebih rendah.

Golongan susah semakin terhimpit, harga barangan keperluan naik

Kembung bukan lagi ikan rakyat

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR - Kenaikan harga barang keperluan sejak kebelakangan ini mengundang kerisauan dalam kalangan golongan kurang berkemampuan sehingga ada di antara mereka yang terpaksa mencecah perbelanjaan.

Rata-rata mereka yang ditemui resah lebih-lebih lagi kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung melebihi pendapatan bulanan yang diperoleh.

Keadaan itu menyebabkan ada yang terpaksa berhutang dengan ahli keluarga, malah lebih teruk dengan sindiket ceti haram atau ah long untuk menampung lebihan kos perbelanjaan tersebut.

Pekerja di Pasar Besar Alor Setar, Mariam Jaafar, 41, berkata, dia memperoleh pendapatan RM30 sehari dengan menjual siput lala dan hasil laut lain di pasar tersebut.

"Dengan wang itulah saya membeli barangan keperluan harian. Saya terpaksa membeli barang setiap hari kerana tidak mampu membeli dalam kuantiti yang banyak.

"Kalau beli ayam misalnya harga tiga bahagian paha sudah melebihi RM20. Itu tidak termasuk bahan masakan lain seperti sayur dan ikan yang kebanyakannya sudah naik harga," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Mariam, harga ikan kembung yang dikenali sebagai ikan rakyat juga mahal ketika ini iaitu antara RM16 dan RM20



HARGA Ikan kembung yang dikenali sebagai ikan rakyat kini mencecah RM20 sekilogram.

sekilogram berbanding RM10 sekilogram sebelum ini.

"Bahan masakan seperti telur dan minyak masak juga sukar diperoleh di sesetengah tempat.

"Kalau telur, ia agak mudah diperoleh di pasar besar, tetapi minyak masak peket pula susah kerana cepat habis. Hendak beli minyak masak botol pula tidak mampu," ujarnya yang terpaksa menanggung keluarga kerana suami mengalami masalah kesihatan.

Malah, jelas Mariam, jika perlu membeli barangan keperluan, dia terpaksa mengeluarkan belanja lebih RM70 dan ia melebihi daripada perbelanjaan diperoleh.

"Itu tidak kira kos sewa rumah

sebanyak RM400 sebulan dan perbelanjaan sekolah dua anak lalui RM15 sehari. Memang saya tidak mampu," ujarnya.

Mariam bimbang apabila bekalan barang makanan utama seperti telur, minyak masak peket dan ikan kembung semakin berkurangan. Kami yang hidup susah terasa semakin susah.

"Orang berpendapatan rendah seperti saya memang sukar untuk menyimpan wang atau berjimat kerana pendapatan hanya cukup-cukup makan," tambahnya.

Bagi pekerja kedai makan, Norsham Suhada Sulaiman, 34, pula, kenaikan harga barang makanan ketika ini sangat membe-



NORSHAM SUHADA mengakui harga barangan terutama makanan naik sekali gus memberi kesan kepada keluarganya.

bankan.

"Ayam dan ikan kembung sudah mahal. Telur ayam dan minyak masak peket pula sukar diperoleh. Keadaan itu menjadikan kehidupan keluarga berpendapatan rendah dan tidak menentu seperti kami menjadi bertambah sukar," katanya.

Menurut Norsham, telur yang merupakan makanan wajib di rumahnya kini sukar diperoleh di kedai-kedai runcit berdekatan di Sungai Petani.

"Hendak beli ayam dan ikan, terasa juga kerana harga makin naik. Ikan kembung bersalz kecil yang biasanya digunakan untuk buat laksa dijual pada harga RM12 sekilogram. Saya bernasib

baik sebab kadang-kadang majikan beri lauk untuk dibawa pulang," katanya.

Seorang ibu tunggal yang mahu dikenali sebagai Asmah, 46, memberitahu, dia berniaga produk kesihatan dan kosmetik secara dalam talian dengan pendapatan tidak menentu.

"Perbelanjaan barang dapur untuk saya dan empat anak tingi dan kadang kala melebihi pendapatan yang diterima.

"Apabila tidak cukup duit, saya terpaksa hutang di kedai runcit untuk membeli barang makanan.

"Pernah juga saya meminjam daripada saudara-mara dan ah long untuk perniagaan dan wang belanja," tambahnya.

Dua sahabat bangkit selepas rugi lima angka tanam cili



WAN MOHAMMAD AFIQ menunjukkan cili yang diusahakan bersama seorang lagi rakannya di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu.

KUALA TERENGGANU - Gagal kali pertama tidak menghalang dua sahabat karib untuk meneruskan tanaman oili secara fertigasi.

Sebelum ini, Mohamad Nafis Ahmad, 29, dan Wan Mohammad Afiq Wan Zainalabidin, 22, mengalami kerugian lebih RM10,000 sewaktu mula berjinak menanam pokok cili kira-kira dua tahun lalu.

Mohamad Nafis yang juga bekas jurujual kereta berkata, mereka mengusahakan tanaman itu di atas sebidang tanah di Bukit Payung, Marang sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan pada 2020.

Menurut pemuda itu, usahanya bersama Wan Mohammad Afiq yang juga pelajar universiti

gagal apabila hampir 1,000 pokok cili mati akibat terkena serangan kulat.

"Kemusnahan tanaman itu membuatkan kami terduduk sebelum bangkit semula menanam cili di atas tanah berkeluasan 0.3 hektar di Kampung Bukit Bayas pada September lalu.

"Kali ini, kami membuat perseediaan lebih rapi selain mendapat tunjuk ajar daripada pengusaha berpengalaman serta video di YouTube dan Facebook," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Bayas semalam.

Mohamad Nafis memberitahu, mereka berdua menanam sebanyak 1,300 pokok cili menggunakan benih jenis Sakata dari Jepun di dalam polibeg.

Setiap pokok cili itu perlu di-

pantau rapi bagi memastikan serang kulat tidak berulang.

"Alhamdulillah selepas sebulan, hasil pertama lebih 600 kilogram (kg) sudah dituai baru-baru ini. Kami berjaya memasarkannya kepada pemborong, pasar raya, pengusaha restoran dan penduduk di sekitar daerah ini," ujarnya.

Wan Mohammad Afiq pula berkata, cili merah Sakata yang diusahakan mereka dijual secara borong dan runcit pada harga RM10 hingga RM15 sekilogram mengikut gred.

"Tanaman cili kami dijangka boleh mengeluarkan hasil keseluruhan melebihi satu tan metrik. Insya-Allah kami mencuba untuk meluaskan pemasaran hingga ke luar Terengganu," katanya.

Kuala Terengganu: Peniaga ayam di beberapa pasar utama di daerah ini dan Kuala Nerus mendakwa bekalan ayam kembali merosot sekali gus memaksa mereka menjual melebihi harga kawalan iaitu RM9.40 sekilogram.

Mereka mendakwa bukan sesuka hati menjual melebihi harga kawalan tetapi ia terpaksa dilakukan bagi mengelak kerugian.

Peniaga mendakwa harga yang dikenakan pembekal sudah melebihi harga kawalan iaitu antara RM10.30 hingga RM10.50 bagi setiap kilogram.

"Kita menetapkan harga berdasarkan harga yang di-

BEKALAN AYAM KEMBALI MEROSOT

'Terpaksa jual mahal elak kerugian'

kenakan di peringkat pembekal. Dalam seminggu dua ini kita terpaksa menjual pada harga antara RM11 hingga RM12 sekilogram.

"Mernang tinggi daripada harga kawalan tetapi untung yang kita dapat tak banyak pun, hanya sekitar RM1.50 sahaja bagi setiap kg.

"Kalau jual ikut harga kawalan, terang-terang kita menanggung kerugian. Jadi bukan suka hati peniaga menjual lebih daripada harga kawalan," kata Zul Fakri Amin Abdul Manan, 35, pe-

niaga ayam di Pasar Cha-

nyak 200 ekor ayam setiap hari.

Katanya, bekalan ayam juga semakin kurang apabila hanya menerima 100 ekor ayam setiap hari.

Menurutnya, selain menjual secara runcit, dia juga perlu menyediakan tempahan da-

ri pada pelanggan tetap se-

perti pengusaha kedai ma-

kan dan memeritukan seba-

nyak 200 ekor ayam setiap hari.

"Tetapi kini saya hanya menerima separuh daripada pesanan dan masalah ini dihadapi semua peniaga ayam bukan sahaja di pasar ini," katanya ketika ditemui semalam.

Tinjauan di pasar berkenaan mendapati rata-rata pengunjung bagaikan sudah

memahami harga yang dikenakan peniaga apabila akur dengan harga berkenaan.

Ahmad Ismail, 53, dari Kampung Paloh berkata, dia tidak menafikan harga yang dikenakan tinggi berbanding harga kawalan.

Bagaimanapun katanya, pengguna tidak boleh menyalahkan peniaga kerana harga yang diterima daripada pembekal sudah tinggi.

"Saya percaya mereka (peniaga) bukan sesuka hati

meletakkan harga dan memahami keadaan itu selepas mendapat penjelasan peniaga," katanya.

Dia mendakwa, bekalan ayam dikatakan kembali merosot selepas kerajaan membenarkan semula eksport ayam keluar negara yang sebelum ini dihentikan bagi memastikan keperluan dalam negara mencukupi.

"Itu hanya pandangan saya, tetapi mungkin ada sebab lain di peringkat peternak, saya tidak pasti," katanya.

Berikutan katanya, kerajaan perlu menangani segera isu berkenaan sebelum ia menjadi lebih teruk sebagai yang berlaku sebelum ini.

Putus bekalan telur ayam seminggu lalu

Kota Bharu: Penduduk di Kelantan merintih apabila mendakwa sukar untuk mendapatkan bekalan telur ayam sejak bulan lalu.

Mereka mendakwa, setiap kali berkunjung ke kedai runcit atau pemborong, bekalan telur ayam sudah kehabisan kerana peniaga mendakwa bekalan tidak mencukupi.

Tinjauan di beberapa kedai runcit di sini juga mendapati bekalan telur ayam berkurangan dengan ada premis kehabisan langsung, manakala yang ada pun hanya sedikit.

Harga yang dijual oleh kedai runcit RM1 untuk tiga biji, manakala RM13 hingga RM14.50 untuk sepapan.

Penduduk, Faridah Omar, 49, berkata, masalah itu ketara sejak beberapa minggu lalu dan sekranya bernasib

baik dan keluar membeli lebih awal.

"Namun, sejak lebih seminggu lalu bekalan telur ayam sudah terputus dan tidak dapat membelinya. Setiap kali ke kedai runcit, bekalan telur sudah kehabisan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, peniaga kedai runcit, Zuraini Mohamad, 40, berkata, bekalan telur sukar diperolehi sejak awal bulan lalu.

"Bekalan telur yang saya peroleh hanya sedikit sahaja. Itu pun saya terpaksa menjual secara mencatu kerana kasihankan pembeli.

"Saya menetapkan setiap pembeli hanya boleh membeli maksimum RM6 sahaja supaya setiap orang kampung dalam membelinya walaupun sedikit," katanya.

11 tan produk sejuk beku untuk ternakan ikan

Marang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyerahkan produk sejuk beku seperti ayam dan daging mentah sebanyak 11 tan kepada Penjara Marang.

Penyerahan produk sejuk beku itu membolehkan hasil kes rampasan sejak Mac lalu adalah untuk bekalan makanan ternakan di Penjara Marang.

Pengarah Penjara Marang Penolong Komisioner Penjara Hamid Taha berkata, produk sejuk beku itu digunakan sebagai makanan ternakan bagi penternakan ikan air tawar yang dija-

lankan lebih empat tahun di Penjara Marang.

"Bukan sahaja ikan keli, kami juga memelihara ikan patin dan penternakan itu antara latihan kemahiran untuk penghuni Penjara Marang.

"Kami mempunyai lebih 90,000 ikan air tawar yang ditanam dalam satu masa dan ia untuk kegunaan sendiri dan sebahagiannya untuk jualan kepada orang awam.

"Produk sejuk beku dibekalkan Maqis menjimatkan kos makanan ternakan ikan itu selain menjadi sumber makanan yang lebih berkhasiat," katanya.

Lebih 90,000 ikan air tawar ditanam di Penjara Marang



BILANGAN anak ayam yang mati disebabkan penyakit meningkat.

Oleh Azhar Shahrulnizam an@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kekurangan bekalan telur ayam berpunca daripada anak ayam yang terkena penyakit dan juga wabak.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Johor Lau Ka Leng, berkata, bekalan telur ayam mengambil masa yang lebih lama daripada ayam untuk kembali stabil di pasaran.

"Dalam jangka masa beberapa bulan yang lalu, bilangan anak ayam yang mati disebabkan wabak dan juga penyakit meningkat.

"Seekor anak ayam boleh mula bertelur apabila mencecah usia 20 minggu, apabila banyak anak ayam yang mati, bilangan telur yang dihasilkan juga berkurang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Lau berkata, kekurangan bekalan telur berpunca daripada jumlah subsidi yang tidak dapat menampung perbelanjaan bagi menjaga anak ayam.

"Walaupun subsidi bagi satu biji telur ayam dinaikkan kepada 8 sen, tetapi ju-

Ambil masa kembali stabil

Kekurangan bekalan telur ayam berpunca daripada anak ayam terkena penyakit, wabak

"Jika kami memesan 50,000 anak ayam, kami akan menerima anggaran sebanyak 35,000 ekor sahaja"

derhana memakan kos yang lebih banyak bagi menternak ayam berbanding penternak yang besar. Kos bagi membela 20,000 anak ayam berbeza dengan kos membela 100,000 anak ayam.

"Lebih banyak ayam yang ditanam, kos yang diperlukan menjadi lebih murah kerana mereka dapat membeli makanan anak ayam dengan harga yang lebih murah," katanya.

Lau berkata, orang ramai terpaksa bersabar sehingga anak ayam berusia 20 minggu untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

"Buat masa sekarang jumlah anak ayam yang boleh dibeli juga terhad. Jika kami memesan 50,000 anak ayam, kami akan menerima anggaran sebanyak 35,000 ekor sahaja," katanya.

Lau berkata, orang ramai terpaksa bersabar sehingga anak ayam berusia 20 minggu untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

"Buat masa sekarang jumlah anak ayam yang boleh dibeli juga terhad. Jika kami memesan 50,000 anak ayam, kami akan menerima anggaran sebanyak 35,000 ekor sahaja," katanya.

Lau berkata, orang ramai terpaksa bersabar sehingga anak ayam berusia 20 minggu untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

"Buat masa sekarang jumlah anak ayam yang boleh dibeli juga terhad. Jika kami memesan 50,000 anak ayam, kami akan menerima anggaran sebanyak 35,000 ekor sahaja," katanya.

derhana memakan kos yang lebih banyak bagi menternak ayam berbanding penternak yang besar. Kos bagi membela 20,000 anak ayam berbeza dengan kos membela 100,000 anak ayam.

"Lebih banyak ayam yang ditanam, kos yang diperlukan menjadi lebih murah kerana mereka dapat membeli makanan anak ayam dengan harga yang lebih murah," katanya.

Lau berkata, orang ramai terpaksa bersabar sehingga anak ayam berusia 20 minggu untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

"Buat masa sekarang jumlah anak ayam yang boleh dibeli juga terhad. Jika kami memesan 50,000 anak ayam, kami akan menerima anggaran sebanyak 35,000 ekor sahaja," katanya.

Lau berkata, orang ramai terpaksa bersabar sehingga anak ayam berusia 20 minggu untuk mendapatkan bekalan telur ayam.



KURANGAN bekalan telur berpunca daripada jumlah subsidi yang tidak dapat menampung perbelanjaan bagi menjaga anak ayam.